

POLISI E-PEMBELAJARAN UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

1.0 PENGENALAN

- 1.1 Dokumen ini disediakan bagi memperihal polisi e-Pembelajaran Universiti Putra Malaysia (UPM) sebagai panduan dalam pelaksanaan pengintegrasian Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) dalam pengajaran dan pembelajaran.
- 1.2 Dokumen ini disediakan berdasarkan:
 - a) Projek Agenda Kritikal (CAP), Kementerian Pendidikan Malaysia
 - b) Dasar e-Pembelajaran Negara (DePAN), Institusi Pengajian Tinggi
 - c) Dasar ICT UPM
 - d) Polisi Pengajaran dan Pembelajaran UPM
- 1.3 Selari dengan kehendak pendidikan masa kini, UPM perlu bersiap siaga dalam mempertingkatkan kemampuan pengajaran dan pembelajaran berintegrasi teknologi sama ada melalui inovasi, penyelidikan, penerbitan dan pemurnian dasar.
- 1.4 Satu strategi melalui penetapan polisi e-Pembelajaran diperlukan bagi mendepani cabaran UPM sebagai universiti ulung dalam amalan dan penjaan ilmu.
- 1.5 Membudaya amalan e-Pembelajaran dalam kalangan para akademia merupakan matlamat pengajaran dan pembelajaran.
- 1.6 Kapasiti infrastruktur, implimentasi Pembelajaran Berpusat Pelajar / *Student Centred Learning* (SCL) dan penyelidikan berterusan e-Pembelajaran juga perlu diperkemas di setiap peringkat.

2.0 DEFINISI

- 2.1 e-Pembelajaran didefinisikan sebagai proses pengajaran dan pembelajaran yang melibatkan pengintegrasian ICT untuk memudah cara, pembelajaran sepanjang hayat, perkongsian maklumat dan pengurusan pembelajaran yang luwes.
- 2.2 e-Kandungan merangkumi sebarang bahan berbentuk digital yang digunakan untuk proses pengajaran dan pembelajaran.
- 2.3 *Learning Management System* (LMS) di UPM merujuk kepada PutraLMS yang digunapakai sebagai sistem aplikasi pengurusan pengajaran dan pembelajaran.

3.0 SKOP

Polisi e-Pembelajaran merangkumi skop seperti berikut:

- a) Dasar Umum
- b) Peranan dan Tanggungjawab
- c) Pelaksanaan dan Pemantauan
- d) *Garis Panduan e-Pembelajaran untuk Pusat Pembelajaran*
- e) *Garis Panduan e-Pembelajaran untuk Pegawai Akademik*
- f) *Garis Panduan e-Pembelajaran untuk Pelajar*
- g) *Garis Panduan Pelaksanaan e-Pembelajaran*
- h) *Garis Panduan e-Kandungan*

4.0 DASAR UMUM

- 4.1 e-Pembelajaran di UPM merangkumi penggunaan Mod Pembelajaran Teradun (*Blended Learning*) yang membolehkan pelaksanaan proses pengajaran dan pembelajaran melalui gabungan kaedah konvensional dan pembelajaran atas talian.
- 4.2 Satu struktur organisasi diwujudkan bagi mengurus pembangunan dan pelaksanaan e-Pembelajaran UPM.
- 4.3 Penyediaan perkhidmatan e-Pembelajaran di UPM adalah berasaskan *Polisi & Pelan Strategik Pemantapan Pengajaran & Pembelajaran* dan Dasar ICT UPM (*Dasar e-Pembelajaran*).
- 4.4 Pembudayaan e-Pembelajaran hendaklah dipupuk secara berterusan dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran oleh para akademik dan pelajar UPM.
- 4.5 UPM bertanggungjawab menyediakan infrastruktur yang sesuai bagi menyokong pelaksanaan e-Pembelajaran di dalam dan luar kampus.
- 4.6 Pegawai UPM yang terlibat dalam pengajaran dan pembelajaran perlu mempunyai pengetahuan dan kemahiran dalam menggunakan sistem e-Pembelajaran.
- 4.7 Penyediaan e-Kandungan yang menyokong e-Pembelajaran merupakan keperluan dalam meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran yang ditetapkan oleh UPM.
- 4.8 e-Kandungan yang dibangun, disimpan dan digunakan di dalam sistem e-Pembelajaran untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran di UPM adalah hak milik bersama pensyarah kursus dan universiti.

5.0 PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB

5.1 Pengurusan Universiti

Menetapkan hala tuju, dasar e-Pembelajaran dan memberi komitmen termasuk penyediaan dana dalam pelaksanaan inisiatif e-Pembelajaran di universiti demi kepentingan pemegang taruh.

5.2 Pusat Pembangunan Akademik (CADe)

5.2.1 Merancang dan membangunkan strategi pelaksanaan e-Pembelajaran mengikut hala tuju universiti, termasuk menyediakan pengukuran Indeks Capaian e-Pembelajaran universiti.

5.2.2 Memantau pembangunan dan pelaksanaan e-Pembelajaran universiti mengikut tatacara semasa.

5.2.3 Menyediakan program latihan dan sokongan kepada pegawai akademik bagi pelaksanaan e-Pembelajaran.

5.2.4 Menjadi pusat rujukan e-Pembelajaran berasaskan Reka Bentuk Instruksi (*Instructional Design*).

5.2.5 Melaksanakan kajian berterusan bagi memantapkan e-Pembelajaran.

5.3 Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi (iDEC)

5.3.1 Menyedia dan menyelenggarakan infrastruktur bagi menyokong dan mengukuhkan e-Pembelajaran.

5.3.2 Menyokong dan membantu pembangunan pelbagai aplikasi e-Kandungan berasaskan Reka Bentuk Instruksi (*Instructional Design*) yang menyumbang kepada penambahbaikan proses pengajaran dan pembelajaran.

5.3.3 Memastikan sistem e-Pembelajaran mematuhi Dasar Keselamatan ICT UPM.

5.3.4 Menyediakan perkhidmatan sokongan pengguna e-Pembelajaran kepada pegawai akademik dan pelajar.

5.4 Fakulti

5.4.1 Memastikan penggunaan sistem e-Pembelajaran di peringkat fakulti berdasarkan *Garis Panduan e-Pembelajaran untuk Pusat Pembelajaran*.

5.4.2 Menyediakan perkhidmatan sokongan pengguna (*helpdesk*) berkaitan e-Pembelajaran kepada pensyarah dan pelajar.

5.4.3 Memberi input kepada Jawatankuasa Pengajaran & Pembelajaran (JKPP) berkenaan perkembangan penggunaan e-Pembelajaran fakulti.

5.4.4 Menganjurkan kursus pengenalan e-Pembelajaran kepada pelajar.

5.4.5 Memastikan persekitaran e-Pembelajaran yang memuaskan.

5.5 **Perpustakaan**

5.5.1 Memberi latihan kepada pelajar tentang e-Pembelajaran melalui penggunaan sumber maklumat berbentuk digital.

5.5.2 Menyediakan sumber rujukan bagi pembangunan isi kandungan e-Pembelajaran.

5.5.3 Menjadi pusat dokumentasi bahan e-Pembelajaran.

5.6 **Pegawai Akademik**

5.6.1 Mempunyai pengetahuan dan kemahiran tentang e-Pembelajaran.

5.6.2 Membudayakan e-Pembelajaran secara berterusan dalam pengajaran dan pembelajaran.

5.6.3 Melaksanakan e-Pembelajaran berdasarkan *Garis Panduan e-Pembelajaran untuk Pegawai Akademik*.

5.6.4 Menggalakkan pelajar menggunakan sistem e-Pembelajaran.

5.6.5 Bertanggungjawab ke atas e-Kandungan yang dihasilkan untuk kegunaan e-Pembelajaran.

5.7 **Pelajar**

5.7.1 Menggunakan sistem e-Pembelajaran sama ada dalam mendapatkan bahan, komunikasi dan penghantaran kerja kursus.

5.7.2 Mematuhi *Garis Panduan e-Pembelajaran untuk Pelajar* seperti yang telah ditetapkan.

5.8 **Pegawai Sokongan**

Pegawai sokongan yang terlibat dengan aktiviti pengajaran dan pembelajaran perlu membantu pelaksanaan e-Pembelajaran di pusat tanggungjawab masing-masing.

6.0 PELAKSANAAN DAN PEMANTAUAN

- 6.1 e-Pembelajaran UPM dilaksanakan di semua peringkat pengajian secara berterusan.
- 6.2 e-Pembelajaran UPM dilaksanakan seiring dengan perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi serta bersesuaian dengan keperluan semasa pendidikan negara.
- 6.3 Pelaksanaan dan pemantauan e-Pembelajaran UPM adalah mengikut peranan dan tanggungjawab seperti yang digariskan dalam Klausa 5.0.
- 6.4 Pelaksanaan dan pemantauan e-Pembelajaran UPM adalah tertakluk kepada *Garis Panduan Pelaksanaan e-Pembelajaran, Garis Panduan e-Pembelajaran untuk Pusat Pembelajaran, Garis Panduan e-Pembelajaran untuk Pegawai Akademik, Garis Panduan e-Pembelajaran untuk Pelajar* dan *Garis Panduan e-Kandungan UPM*.

7.0 ETIKA PELAKUAN

Etika pelakuan pengguna tertakluk kepada *Garis Panduan e-Pembelajaran untuk Pegawai Akademik* dan *Garis Panduan e-Pembelajaran untuk Pelajar*.

8.0 HAKCIPTA & HARTA INTELEK

Bahan pengajaran dan pembelajaran yang dibangunkan oleh pegawai akademik dalam sistem e-Pembelajaran UPM adalah tertakluk kepada Dasar ICT UPM berkaitan Hakcipta & Harta Intelek, *Garis Panduan e-Pembelajaran untuk Pegawai Akademik, Garis Panduan e-Pembelajaran untuk Pelajar* dan *Garis Panduan e-Kandungan UPM*.

9.0 LAIN-LAIN

- 9.1 UPM berhak mengubah polisi ini dari semasa ke semasa.
- 9.2 Polisi e-Pembelajaran UPM disemak mengikut keperluan bagi memenuhi kehendak semasa dengan mengambil kira pandangan semua pihak berkepentingan.